

01 NOV 1998

Singapura-Malaysia

SINGAPURA MAHU HUBUNGAN DENGAN MALAYSIA PULIH SEPERTI BIASA

SINGAPURA, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong hari ini berkata, republik itu mahu hubungan dengan Malaysia kembali seperti biasa.

Singapura mahukan hubungan baik dengan Malaysia yang pasti menguntungkan kedua-dua negara, kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri Hari Masyarakat Peoples Action Party (PAP), di sini.

Beliau berkata demikian semasa mengulas laporan baru-baru ini yang memetik Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai berkata hubungan dua hala kini bertambah baik.

Goh bersetuju dengan Dr Mahathir dan berkata ketegangan antara kedua-dua negara semakin reda.

Goh yang akan bertemu Dr Mahathir sebelum mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur bulan ini berkata, kedua-dua pihak mahu hubungan pulih kembali seperti biasa.

Mengenai ulasan Dr Mahathir yang kedua-dua pihak mempunyai hubungan yang kukuh, Goh berkata: "Ya, pada peringkat peribadi kita tidak mempunyai masalah. Tetapi beliau perlu menjaga kepentingan Malaysia, saya perlu menjaga kepentingan Singapura. Pada peringkat peribadi kita tidak mempunyai masalah,"

Hubungan dua hala antara kedua-dua negara tegang sejak beberapa bulan lepas ekoran beberapa isu termasuk isu kemudahan imigresen dan kastam Malaysia di stesen kereta api Tanjong Pagar, yang diarah berpindah ke Woodlands.

Satu lagi isu ialah status wang caruman dalam tabung simpanan wang pekerja (CPF) bagi pekerja-pekerja Malaysia di Singapura.

Goh dan Dr Mahathir kali terakhir bertemu apabila Goh melawat Malaysia pada Februari lepas.

Goh juga berkata beliau akan membincangkan isu-isu Asean dengan Dr Mahathir semasa pertemuan mereka.

"Saya rasa Asean kini mengharungi krisis kerana masalah ekonomi dan jika Asean tidak berminat bekerjasama sebagai satu unit, ia akan hilang pengaruh di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau akan membincangkan bagaimana pemimpin-pemimpin Asean boleh menjadikan perkumpulan serantau itu lebih kukuh dan mengekalkan pengaruhnya semasa sidang kemuncak Asean di Hanoi, Vietnam, bulan depan.

-- BERNAMA

TCL JK PR